

26/10/1999

Banduan VIP, penyokong buta tuli

Bekas Pemuda Anwar

SAYA berani mengatakan bahawa di dalam sejarah manusia dan kemanusiaan, tidak ada seorang banduan yang menerima layanan yang lebih istimewa daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Jika beliau mengadu sakit saja, doktor dikerah untuk memeriksa dan merawatnya. Bila mendakwa keracunan arsenik, air kencingnya dihantar ke merata tempat untuk diperiksa.

Tetapi pengikutnya bukan berterima kasih. Malah, mereka memaki Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pelbagai perkataan yang tidak sepatutnya keluar dari mulut orang yang bertamadun. Hingga ada yang menuduh Dr Mahathir amat zalim dan seorang mafia. Saya hanya berkata, kalau benar Dr Mahathir seorang mafia dia tidak akan menunggu sehingga Anwar tamat dibicara dan dipenjara. Kalau benar dia seorang mafia dan sengaja mahu menyingkir Anwar, bukankah lebih mudah dia meracun Anwar ketika Anwar masih menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sebagai seorang mafia, bukan sekadar meracun, macam-macam lagi boleh dilakukan untuk melenyapkan Anwar tanpa menimbulkan syak wasangka sesiapa.

Tetapi mengapa Dr Mahathir tidak berbuat demikian? Mengapa beliau membenarkan Anwar dibicarakan walaupun sedar dengan cara ini menimbulkan kemarahan orang yang menyokong Anwar dengan mambabi buta?

Nampaknya sekarang ini pihak pembangkang memainkan pelbagai taktik untuk memburukkan kerajaan. Ramai juga yang termakan tohmahan mereka. Ada yang bercakap seolah-olah pemerintah hari ini terlalu zalim, seolah-olah negara ini buruk seburuk-buruknya. Kepada mereka ini sukalah kita bertanya kalau negara ini buruk, negara manakah yang lebih baik? Tunjukkanlah sebuah negara yang memberi layanan seperti ini kepada orang Melayu dan Islam? Tunjukkanlah supaya dapat kita jadikan contoh.

Kalau pemerintah sekarang terlalu zalim dan keadaan negara terlalu buruk, mahukah mereka lari ke negara lain? Mahukah mereka pergi kalau ada orang yang bersedia menyediakan tambang kapal terbang kelas satu, hotel mewah, serta duit belanja untuk selama seminggu di sana dengan syarat kerakyatan mereka ditukar ke negara itu.

Kita tahu, tidak ada rakyat Malaysia yang berduyun-duyun ke negara lain untuk mencari rezeki atau mencari perlindungan. Sebaliknya, setiap hari berduyun-duyun rakyat dari negara jiran yang datang ke negara kita semata-mata untuk mencari rezeki, sehingga ada yang mati ditelan gelombang dan ada yang mati di bawah tilam kerana bersembunyi. Kalau negara ini terlalu teruk seperti yang digambarkan, siapa yang mahu bersusah payah untuk datang ke mari?

Ada orang berkata kepada saya: "Mari kita cuba tukar kepada Pas. Kita cuba kerajaan lain. Kalau Pas tak baik kita tukar balik kepada Barisan Nasional (BN)". Apakah orang ini menganggap menukar kerajaan sesuatu perkara yang mudah? Kalau mudah, takkan di Indonesia terjadi kekacauan. Oleh itu berfikirilah habis-habis. Saya juga pernah memuja Anwar dan menganggapnya sebagai pembela bangsa. Tetapi saya tidak boleh taksud hingga menganggap dia tidak boleh melakukan sebarang dosa. Ini juga tidak bermakna yang saya sentiasa bersetuju seratus peratus dengan Dr Mahathir. Tetapi saya belum yakin adanya orang lain yang boleh berbuat sesuatu yang lebih baik daripadanya. Menukar pemimpin bukanlah semudah menukar baju di badan.